

**PM Pengerusikan Mesyuarat Menteri Besar Dan Ketua Menteri
Bernama
26 Jun, 2012**

PUTRAJAYA, 26 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mempengerusikan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-115 di Bangunan Perdana Putra di sini.

Mesyuarat yang bermula pada 10 pagi itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, Ketua Setiausaha Negara Datuk Seri Dr Ali Hamsa serta beberapa menteri kabinet.

Mesyuarat bertujuan menyelaras pentadbiran antara negeri-negeri selain membincangkan isu-isu berbangkit.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=675826>